

22/03/1997

Politik di Sabah lebih stabil: PM

KOTA KINABALU, Jumaat - Suasana politik di Sabah kini lebih stabil selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih kuasa pemerintahan lebih tiga tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kestabilan itu berjaya diwujudkan menerusi perpaduan di kalangan parti yang ada dalam gabungan berkenaan di Sabah.

"Politik Sabah kini lebih stabil selepas BN berkuasa di negeri ini sejak tiga tahun lalu," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena ulang tahun ketiga Parti Demokratik Sabah (PDS), sebuah daripada komponen BN Sabah, di Tamparuli. Sambutan itu akan diadakan esok.

Parti komponen lain BN di Sabah ialah Umno, Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Librel Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), MCA dan Gerakan.

PDS diketuai Menteri Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Moyog, Datuk Bernard Dompok.

Dr Mahathir berkata hasil pembangunan serta kemajuan yang dibawa kerajaan BN kini dinikmati penduduk tempatan di negeri ini selepas pilihan raya umum lalu.

"Perpaduan yang tercapai di kalangan parti dalam gabungan itu jelas menimbulkan keyakinan mereka terhadap kerajaan BN yang dibentuk di negeri ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi BN Pusat berkata tidak dapat dinafikan semua komponen BN termasuk PDS memainkan fungsi penting dalam menyatupadukan penduduk di negeri ini.

(END)